

03 AUG 2002

BONUS: K'JAAN AKAN TIMBANG PERMOHONAN CUEPACS, KATA SAMSUDIN

Oleh: Noor Hammad Wariman

LANGKAWI, 3 Ogos (Bernama) -- Permohonan Kongres Kesatuan Pekerja Dalam perkhidmatan Awam (Cuepacs) supaya kerajaan membayar bonus dua bulan gaji kepada 960,000 kakitangannya tahun ini akan ditimbang, kata Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Samsudin Osman.

"Perkara itu kita serahkan kepada kerajaan kerana ia bergantung kepada kemampuan kewangan negara," katanya ketika diminta mengulas kenyataan Setiausaha Agung Cuepacs Abdul Rahman Manan yang berharap bonus itu tidak akan tercicir tahun ini kerana ia penting sebagai persediaan untuk sesi persekolahan 2003.

Abdul Manan berkata permohonan itu telah diserahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Menteri Kewangan baru-baru ini.

Samsudin berkata beliau belum melihat permohonan itu.

"Seperti biasa sebagai kesatuan, Cuepacs akan membuat pelbagai permohonan dan ia akan ditimbang oleh pihak kerajaan," katanya.

Ketika membentangkan Belanjawan 2002 tahun lalu, Dr Mahathir mengumumkan pembayaran bonus setengah bulan gaji atau sekurang-kurangnya RM1,000 kepada kakitangan perkhidmatan awam dan kenaikan gaji pokok 10 peratus mulai Januari lalu.

-- BERNAMA

NH LAT